


Struktur dan Fungsi Bahagian Bunga

Pernahkah anda memerhatikan sekuntum bunga dengan teliti? Cuba anda buang bahagian ranggi bunga. Apakah bahagian-bahagian bunga yang dapat anda perhatikan? Apakah nama bahagian-bahagian tersebut dan peranannya? Rajah 4.26 menunjukkan keratan membujur bunga berserta ciri dan fungsinya.





Rajah 4.26 Keratan membujur struktur bunga dan fungsinya

Jenis Pendebugaan

Pendebugaan Sendiri

Pendebugaan Kacuk



Butir debunga dipindahkan ke stigma bunga yang lain tetapi pada pokok yang sama

Butir debunga dipindahkan ke stigma bunga yang sama

Butir debunga dipindahkan ke stigma bunga yang lain dan pokok yang lain tetapi daripada spesies pokok yang sama

Kelebihan Pendebungaan Kacuk

Pendebungaan kacuk menggabungkan bahan genetik daripada dua pokok induk yang sama spesies. Pendebungaan kacuk mempunyai banyak kelebihan.



Gambar foto 4.10 Pendebungaan kacuk memastikan hasil kacukan mewarisi sifat-sifat baik daripada kedua-dua induk



Rajah 4.30 Kelebihan pendebungaan kacuk

Malaysiaku

Agensi yang terlibat dalam menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil pertanian di Malaysia ialah:

- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Aplikasi Pendebungaan Kacuk dalam Bidang Pertanian

Di Malaysia, pendebungaan kacuk dalam industri pertanian bukanlah sesuatu yang asing. Teknik ini digunakan secara meluas untuk mengeluarkan hasil tanaman yang lebih baik dan berkualiti tinggi. Antara inovasi dalam bidang pertanian berkaitan dengan pendebungaan kacuk diringkaskan dalam [video](#) berikut.